

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 17/04/2019
Edisi / Muka Surat : Nasional / 6
Tajuk : Beri peluang gerakan koperasi terlibat

Beri peluang gerakan koperasi terlibat

PEKAN 16 April - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) meminta kerajaan memberi peluang kepada gerakan koperasi untuk terlibat dalam pelaksanaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, terdapat kira-kira 400 koperasi yang mempunyai pelbagai peringkat lesen kontraktor dan berkelayakan untuk turut terlibat dalam projek bernilai RM44 bilion itu.

“Gerakan koperasi wajar diberikan peluang untuk terlibat dalam kerja-kerja bersesuaian dalam komponen projek mega itu seperti membina pagar, longkang dan memotong rumput,” katanya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Sudut Laman Angkasa Kepada Koperasi Maktab Rendah Sains Mara Tun Abdul Razak Berhad di Maktab Rendah Sains Mara Tun Abdul Razak, di sini hari ini.

Menurut Abdul Fattah, kerajaan juga wajar mempertimbangkan untuk memberi ruang perniagaan kepada gerakan koperasi di stesen-stesen ECRL bagi membolehkan mereka menjual barangan kepenggunaan.



ABDUL FATTAH ABDULLAH (depan, kanan) menyempurnakan simbolik penyerahan Sudut Laman Angkasa Koperasi MRSM Tun Abdul Razak Berhad kepada Pengetua MRSM Tun Abdul Razak, Nik Jasmi Nik Yaakob di sekolah berkenaan di Pekan, Pahang, semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, fasa pertama program Barang Asas 100 (BA100) yang dibangunkan Angkasa dengan menawarkan produk barangan asas seperti minyak masak dan gula pada harga lebih rendah dijangka dapat dimulakan hujung bulan ini atau awal bulan depan.

Buat permulaan, katanya,

sebanyak 300 koperasi peruncitan sekitar Lembah Klang akan menggunakan sistem khas berkenaan bagi membantu meringankan beban pengguna.

“Pelaksanaan sistem ini akan diteruskan mengikut fasa melibatkan kira-kira 3,500 koperasi peruncitan di bawah Angkasa,” katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA